

**NO SOALAN :58**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA           : Y.B. TUAN TAN KOK WAI  
(CHERAS)**

**PERTANYAAN       : LISAN**

**TARIKH           : 15.06.2015**

**Y.B. TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada siasatan telah dijalankan oleh Bank Negara Malaysia terhadap kes aduan penipuan program pelaburan kayu Agarwood anjuran syarikat tetuan My Cameron Hills Sdn. Bhd. yang telah dilaporkan oleh Encik Liew Vui Fui pada 20 November 2014 dan perkembangannya. Jika tidak, apakah sebabnya siasatan tidak dijalankan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bank Negara Malaysia (BNM) telah membuat penilaian awal

terhadap aktiviti yang dijalankan oleh My Cameron Hills Sdn. Bhd. (MCHSB) dan mendapati berkemungkinan terdapat elemen-elemen yang melanggar peruntukan di bawah Akta yang ditadbir oleh BNM. Sehubungan itu, BNM telahpun menyenaraikan MCHSB dalam "Senarai Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan" (*Financial Consumer Alert [FCA]*) di laman sesawang rasmi BNM.

FCA adalah rekod yang menyimpan senarai syarikat dan laman sesawang yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan berkaitan setelah mengambil kira kemungkinan terdapatnya elemen-elemen yang melanggar peruntukan di bawah Akta yang ditadbir oleh BNM. FCA merupakan satu panduan dan rujukan segera supaya orang ramai berhati-hati sebelum membuat keputusan untuk menyertai mana-mana skim pelaburan yang menjanjikan pulangan yang tinggi dalam jangka masa yang singkat. Ianya juga bertujuan untuk mengelakkan orang ramai dari mengalami kerugian melalui pelaburan yang dibuat dan menjadi mangsa penipuan oleh sindiket yang tidak bertanggung jawab.

BNM sedang memantau secara rapi modus operandi yang dijalankan oleh MCHSB serta meneliti aduan-aduan dan dokumen-dokumen yang

telah diterima daripada orang ramai untuk menentu-sahkan samada modus operandi tersebut telah melanggar mana-mana peruntukan Akta yang ditadbir oleh BNM.